

Sembilan warga Filipina dijel seumur hidup, lapan lagi dipenjara 10 hingga 15 tahun

17 pengganas Sulu dipenjara

Kosmo
27/7/16
ms 2

Oleh MUSTAPA LAKAWA

KOTA KINABALU – Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas sembilan warga Filipina yang mencero boh Lahad Datu sehingga menyebabkan 10 anggota pasukan keselamatan dan lebih 100 pengganas itu terkorban pada tahun 2013.

Hakim Stephen Chung menjatuhkan hukuman itu ke atas semua tertuduh yang digelar pengganas Sulu selepas mereka didapati bersalah mengikut Seksyen 121 Kanun Keseksaan kerana melancarkan

perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Kesemua tertuduh ialah Datu Amir Bahar Hushin Kiram, 53, Atik Hussin Abu Bakar, 45, Basad H. Manuel, 41, Ismail Yasin, 76, Virgilio Nemar Patulada @ Mohammad Alam Patulada, 52, Salib Akhmad Emali,

Sebahagian daripada wajah pengganas Sulu yang dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah



INFO

Pencerobohan pengganas Sulu di Lahad Datu

- **11 Feb 2013** - Lebih 100 ahli kumpulan penceroboh yang lengkap bersenjata api dan berpakaian celoreng mencero boh Kampung Tanduo dekat Felda Sahabat di Lahad Datu
- **1 Mac 2013** - Pertempuran tercetus antara pasukan keselamatan dan sekumpulan kecil penceroboh di Kampung Tanduo menyebabkan dua anggota VAT 69 terkorban manakala 12 penceroboh ditembak mati
- **3 Mac 2013** - Enam anggota keselamatan terkorban dalam pertempuran di Kampung Sri Jaya, Simunul di Semporna
- **5 Mac 2013** - Ops Daulat dilancarkan ke atas kubu kumpulan penceroboh di Kampung Tanduo melibatkan pelbagai aset pertahanan milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

63, Al Wazir Osman, 61, Tani Lahaddahi, 63, dan Julham Rashid, 69.

Datu Amir, Salib, Tani, Julham dan Al Wazir turut dijatuhi hukuman penjara 18 tahun di bawah Seksyen 130KA Kanun Keseksaan kerana menjadi ahli kumpulan pengganas manakala Atik, Basad, Ismail dan Virgilio dipenjarakan 13 tahun di bawah seksyen yang sama.

Stephen kemudian mengarahkan kedua-dua hukuman ke atas semua tertuduh berkenaan berjalan serentak. Datu Amir merupakan anak lelaki kepada Sultan Sulu iaitu Esmail Kiram. Esmail dikatakan sudah meninggal dunia tahun lalu.

Sembilan yang dijatuhi hukuman itu merupakan sebahagian daripada 17 tertuduh yang dijatuhi hukuman berkaitan kes keganasan di Lahad Datu oleh Stephen.

Dalam penghakimannya, Stephen memberitahu, kejadian pencerobohan di Lahad Datu telah menjejaskan kepentingan awam selain mengorbankan nyawa anggota keselamatan.

“Kesalahan ini menjejaskan dengan teruk kehidupan penduduk Kampung Tanduo dan mereka yang tinggal di kampung berhampiran, selain kaum keluarga anggota keselamatan yang terkorban,” kata beliau.

Dalam keputusan lain membabitkan lapan lagi tertuduh, tiga rakyat Filipina iaitu Aiman Radie, 19, Lin Mad Salleh, 58, dan Holland Kalbi, 50, yang turut berdepan tuduhan sama dijatuhi hukuman penjara selama 13 tahun.

Seorang warga Filipina iaitu Timhar Hadir, 39, dan penduduk tempatan, Abdul Hadi Mawan, 52, pula dipenjarakan 15 tahun mengikut seksyen sama.

Satu-satunya tertuduh wanita yang juga warga Filipina, Norhaida Ibnahi, 49 dijatuhi hukuman penjara 10 tahun di bawah Seksyen 130K Kanun Keseksaan kerana melindungi pengganas.

Dua lagi rakyat tempatan iaitu Pablo Alie, 65, dan Mohd. Ali Ahmad, 40, turut berdepan hukuman penjara 15 tahun atas kesalahan masing-masing.

Pablo didakwa mengikut Seksyen 130 G(c) kerana menghasut, menggalakkan atau mencari harta untuk kegunaan pengganas manakala Mohamad Ali mel-

“Kesalahan ini menjejaskan dengan teruk kehidupan penduduk Kampung Tanduo dan mereka yang tinggal di kampung berhampiran, selain kaum keluarga anggota keselamatan yang terkorban



HAKIM STEPHEN CHUNG

akukan kesalahan di bawah Seksyen 130 J (1) (a) kerana memberi sokongan kepada kumpulan pengganas.

Perbicaraan di Penjara Pusat Kota Kinabalu bermula 6 Januari 2014 membabitkan 166 saksi pendakwaan dan 20 saksi pembelaan.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Dusuki Mokhtar dan dibantu Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Jamil Aripin manakala Datuk N. Si-



ANGGOTA Pasukan Gerakan Am menerusi Ops Daulat ditugas menjaga keselamatan kawasan penempatan penduduk di Kampung Lok Buani di Lahad Datu pada Mac 2013.

INFO

Senarai 17 penceroboh Lahad Datu dipenjarakan

1. Datu Amir Bahar Hushin Kiram, 53, warga Filipina
2. Atik Hussin Abu Bakar, 45, warga Filipina
3. Basad H. Manuel, 41, warga Filipina
4. Ismail Yasin, 76, warga Filipina
5. Virgilio Nemar Patulada @ Mohammad Alam Patulada, 52, warga Filipina
6. Salib Akhmad Emali, 63, warga Filipina
7. Al Wazir Osman, 61, warga Filipina
8. Tani Lahaddahi, 63, warga Filipina
9. Julham Rashid, 69, warga Filipina
10. Aiman Radie, 19, warga Filipina
11. Lin Mad Salleh, 58, warga Filipina
12. Holland Kalbi, 50, warga Filipina
13. Timhar Hadir, 39, warga Filipina
14. Abdul Hadi Mawan, 52, warga tempatan
15. Norhaida Ibnahi, 49, warga Filipina
16. Pablo Alie, 65, warga tempatan
17. Mohamad Ali Ahmad, 40, warga tempatan

vananthan dilantik kerajaan Filipina mewakili rakyat negaranya. Tiga tertuduh tempatan pula diwakili peguam Ram Singh, Abdul Gani Zelika dan Putri Noor Asikin Datu Gulam.

● **7 Mac 2013** - Perdana Menteri melancarkan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) meliputi 1,400km kawasan pantai timur Sabah bermula dari Kudat sehinggalah ke Tawau

● **24 Mac 2013** - Ops Daulat ditamatkan

● **25 Mac 2013** - Perdana Menteri melancarkan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esszone) meliputi 10 buah daerah di negeri Sabah

● **6 Januari 2014** - Perbicaraan ke atas 30 individu yang didakwa dalam kes pencerobohan Lahad Datu dimulakan di Penjara Pusat Kota Kinabalu

Mangsa korban dalam pencerobohan

Anggota keselamatan - 10 orang

Anggota pengganas - 67 orang

Mayat pengganas ditemui - 42 orang